


PENDEDAHAN AGROBAZAAR ONLINE SEBAGAI PLATFORM PEMASARAN BAGI PERNIAGAAN BERASASKAN PERTANIAN

Pada 3 Mac 2020, bidang pertanian Pusat Asasi Sains Pertanian telah melaksanakan satu bengkel perniagaan yang merupakan salah satu slot Program Syoknya Agro Bazaar 2020. Bengkel tersebut adalah Agrobazaar Online yang dikendalikan oleh Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang dilantik iaitu Encik Faril Mushawwir Zul Amran.



Penerangan diberikan oleh Pegawai FAMA

Asasnya, Agrobazaar Online (Agrobazaar.com.my) merupakan satu program di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Dimiliki oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) dan diuruskan oleh FAMA sepenuhnya. Pelbagai produk pertanian dan asas tani yang ditawarkan yang merangkumi enam kategori jualan iaitu tanaman, perikanan, agro pelancongan, ternakan, asas tani dan perkhidmatan. Melalui platform ini, pembeli boleh melakukan tinjauan dan pembelian secara atas talian yang melibatkan jualan produk di seluruh Malaysia. Maka pembeli boleh membuat perbandingan produk dan memilih produk yang menepati citarasa mereka. Malah Agrobazaar Online ini begitu setanding dengan aplikasi pemasaran perniagaan yang lain seperti Shopee, Lazada, Mudah dan sebagainya.



Layari agrobazaar.com.my untuk membuat pembelian atas talian bagi produk pertanian

Seramai 50 peserta dalam kalangan pelajar telah mengikuti bengkel ini dan sebahagian daripada peserta begitu berminat untuk mendaftar diri dalam Agrobazaar Online ini. Ini adalah kerana mahasiswa juga mampu menjana pendapatan sampingan meskipun mereka tidak memiliki modal dan produk fizikal pertanian. Malah peserta yang berminat akan diberi tunjuk ajar daripada mentor yang dilantik oleh FAMA dalam menjalankan aktiviti Agrobazaar Online ini.



Peserta fokus mendengar penerangan yang diberikan



Peserta tampil ceria dan bersemangat ketika menghadiri bengkel Agrobazaar Online



Seramai 50 peserta, 7 pengajar bidang pertanian dan 2 pegawai FAMA telah menjayakan bengkel Agrobazaar Online.

Kesimpulannya, pendedahan program Agrobazaar Online ini kepada para pelajar Program Asasi Sains Pertanian amat relevan dan bertepatan dengan kursus ASA0105 (Keusahawanan dan Pemasaran Produk Pertanian) yang diambil oleh mereka pada semester dua ini. Malah masyarakat juga disarakankan untuk melakukan pembelian atas talian bagi barangan produk pertanian dan asas tani semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ini bagi memutuskan rantaian pandemik Covid-19 dalam komuniti kita.